

# BEAFEMIC CAPSULE/SUSPENSION

Mefenamic acid (250mg, 50mg/5ml)

## Apakah yang ada pada risalah ini

1. Apakah kegunaan Beafemic
2. Bagaimana Beafemic berfungsi
3. Sebelum menggunakan Beafemic
4. Cara menggunakan Beafemic
5. Semasa menggunakan Beafemic
6. Kesan-kesan sampingan
7. Cara penyimpanan dan pelupusan Beafemic
8. Maklumat lanjut
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk
10. Tarikh kemaskini RiMUP

## Apakah kegunaan Beafemic

Beafemic digunakan untuk melegakan kesakitan yang ringan hingga sederhana apabila tindakan anti-inflamasi diinginkan. Ia juga digunakan untuk melegakan kesakitan yang disebabkan oleh kecederaan otot dan tulang seperti ketegangan dan terseliah. Ia juga boleh melegakan simptom haid kejang, migrain atau sakit kepala dan mengelakkan migrain yang berkaitan dengan haid.

Beafemic suspension digunakan untuk melegakan kesakitan gigi, otot dan mengurangkan demam di kalangan kanak-kanak

## Bagaimana Beafemic berfungsi

Beafemic mengandungi bahan aktif *mefenamic acid* yang tergolong dalam kumpulan ubat yang dikenali sebagai *Non-steroidal Anti-inflammatory Drugs* (NSAIDs). Ubat ini berfungsi dengan melegakan kesakitan dan inflamasi (haba, bengkak, kemerahan).

## Sebelum menggunakan Beafemic

### - Bila tidak boleh menggunakan

Jangan mengambil Beafemic jika anda mempunyai alahan terhadap:

- *mefenamic acid* (bahan aktif dalam Beafemic) atau sebarang kandungan yang disenaraikan di hujung risalah ini.
- aspirin
- sebarang ubat NSAID yang lain

Simptom-simptom reaksi alahan termasuk:

- bintik merah-merah, gatal-gatal atau ruam kulit
- pening
- asma, berdehit atau sesak nafas
- bengkak pada muka, bibir atau lidah yang boleh menyebabkan kesukaran menelan atau bernafas

Jika anda alah terhadap aspirin atau ubat NSAID dan anda mengambil Beafemic, simptom-simptom ini akan bertambah teruk.

Sila rujuk kepada doktor anda sebelum bermula menggunakan Beafemic jika anda mengandung, merancang untuk mengandung, menyusukan anak atau bercadang untuk menyusukan anak. Doktor anda akan mengimbang risiko anda mengambil Beafemic terhadap manfaat yang mempunyai untuk anda.

Jangan mengambil Beafemic jika anda:

- menghadapi masalah buah pinggang atau hati
- mempunyai radang usus
- pernah mempunyai masalah perut atau usus seperti pendarahan atau ulser
- mempunyai tindakbalas kulit terhadap ubat lain

Jika anda tidak pasti sama ada anda patut mula mengambil Beafemic, sila tanya doktor anda.

Jangan mengambil ubat ini jika pembungkusan koyak atau terdapat tanda salahguna.

### - Sebelum menggunakan Beafemic

Beritahu doktor anda jika anda mempunyai alahan terhadap sebarang ubat, makanan, pengawat atau pewarna.

Beritahu doktor anda jika anda mempunyai atau pernah mengalami sebarang masalah kesihatan seperti yang berikut:

- Jika Anda mempunyai alahan

hidung (membran mukus hidung yang radang), urtikaria (gatal-gatal) dan gejala-gejala menjadi lebih teruk disebabkan oleh Aspirin atau NSAID.

- Jika anda mempunyai masalah darah
- Jika anda mempunyai asma
- Jika anda mempunyai masalah jantung, kegagalan jantung atau strok
- Jika anda mempunyai tekanan darah tinggi
- Jika anda mempunyai diabetes
- Jika anda mempunyai edema
- Jika anda mempunyai jangkitan yang teruk (sepsis)
- Jika anda mempunyai masalah dalam pembekuan darah
- Jika anda mempunyai stomatitis (membran mukus mulut yang radang)
- Jika anda adalah warga tua
- Jika anda mempunyai pendarahan, ulser dan tebuk perut atau usus
- Jika anda mengalami dispepsia (rasa tidak selesa di kawasan epigastric kerana masalah pencernaan).
- Jika anda mempunyai masalah penglihatan
- *Mefenamic acid* boleh menyebabkan alahan kulit yang teruk, contohnya dermatitis exfoliative, toksik epidermis Necrolysis, Sindrom Steven-Johnson. Gejala boleh termasuk ruam kulit, lepuh dan mengelupas. Ini boleh menjadi tanda-tanda keadaan serius. Jika tindak balas ini berlaku, berhenti menggunakannya dan dapatkan bantuan perubatan dengan segera.

Jika anda belum memberitahu doktor anda tentang mana-mana perkara di atas, beritahunya sebelum anda mula mengambil Beafemic.

### - Jika mengambil ubat-ubat lain

Beritahu doktor jika anda menggunakan sebarang ubat lain, termasuk ubat yang dibeli tanpa preskripsi dari farmasi, pasaraya, atau kedai makanan kesihatan.

Sesetengah ubat dan Beafemic boleh bertindak balas antara satu sama lain. Ini termasuk:

- ubat yang digunakan untuk melegakan kesakitan dan demam seperti *acetaminophen*
- ubat yang digunakan untuk merencat sistem imun seperti *cyclosporine*
- ubat yang digunakan untuk merencat sistem imun atau mengurangkan inflamasi seperti *glucocorticoids*
- aspirin atau ubat NSAID lain
- antibiotik tertentu yang dikenali sebagai *cephalosporins*
- *plicamycin*, ubat yang digunakan untuk merawat jenis kanser tertentu
- *valproic acid*, ubat yang digunakan untuk merawat sawan.
- ubat yang digunakan untuk menghentikan pembekuan darah
- ubat yang digunakan untuk merawat diabetes
- ubat yang digunakan untuk merawat tekanan darah tinggi seperti diuretik
- *methotrexate*, ubat yang digunakan untuk merawat arthritis dan sesetengah kanser

Ubat-ubat ini mungkin dipengaruhi oleh Beafemic atau mungkin menjejaskan fungsinya. Anda mungkin perlu mengambil ubat anda dalam jumlah yang berlainan atau anda mungkin perlu mengambil ubat yang berlainan.

Doktor atau ahli farmasi anda mempunyai lebih banyak maklumat tentang ubat-ubat yang perlu diberi perhatian semasa mengambil Beafemic atau yang perlu dielakkan.

### Cara menggunakan Beafemic

Ikut arahan doktor atau ahli farmasi anda dengan teliti.

Ia mungkin berbeza dari maklumat di dalam risalah ini.

Jika anda tidak memahami arahan pada label ubat anda, sila rujuk kepada doktor atau ahli farmasi.

#### - Berapa banyak harus digunakan

*kapsul Beafemic:*

Ambil 500mg pada mulanya, kemudian

diikuti oleh 250mg setiap 6 jam seperti yang diperlukan.

*Bagi Beafemic suspension:*

6 bulan - 1 tahun: satu sudu 5ml

2-4 tahun: dua sudu 5ml

5-8 tahun: tiga sudu 5ml

9-12 tahun: empat sudu 5ml

Dos mungkin berulang sehingga tiga kali sehari selama tempoh yang tidak melebihi 7 hari.

#### - Bila perlu digunakan

Ikut arahan doktor atau ahli farmasi anda.

Bagi Beafemic Suspension 50mg/5ml, goncang baik-baik sebelum pengambilannya.

Ambil Beafemic dengan makanan atau *antacid* untuk mengurangkan sakit perut. Ambil dengan segelas air.

#### - Berapa lama perlu digunakan

Jangan mengambil Beafemic lebih lama daripada yang diarahkan oleh doktor anda.

Bergantung kepada keadaan anda, anda mungkin perlu mengambil Beafemic untuk beberapa hari, beberapa minggu atau untuk masa yang lebih panjang.

Jika anda tidak pasti berapa lama perlu mengambil ubat ini, bincang dengan doktor atau ahli farmasi anda.

#### - Jika terlupa menggunakan

Jika sudah dekat waktu dos seterusnya, tinggalkan dos yang terlupa dan ambil dos seterusnya mengikut jadual biasa.

Jika tidak, ambil dos yang tertinggal sebaik sahaja anda teringat dan kemudian kembali mengambil ubat anda seperti biasa.

Jangan gandakan dos untuk menggantikan dos yang terlupa dengan mengambil lebih daripada satu dos pada masa yang sama. Ini mungkin meningkatkan peluang anda mendapat kesan sampingan yang tidak diingini.

#### - Jika mengambil berlebihan (terlebih dos)

Jika anda fikir anda atau orang lain mungkin telah mengambil Beafemic, hubungi doktor anda untuk mendapatkan nasihat atau pergi ke Jabatan Kecemasan hospital terdekat.

Ini mesti dilakukan walaupun tiada tanda ketidakelesaian atau keracunan. Anda mungkin memerlukan rawatan perubatan dengan segera.

Jika anda telah mengambil Beafemic, anda mungkin rasa tidak sihat atau mengalami simptom seperti kelesuan yang teruk, rasa mengantuk, sakit perut, rasa loya dan muntah-muntah.

Kesan yang lebih serius seperti pendarahan perut dan usus, kegagalan buah pinggang akut, sawan, koma, dan gangguan pembekuan darah telah dilaporkan.

### Semasa menggunakan Beafemic

#### - Perkara yang perlu dilakukan

Jika anda hamil semasa mengambil Beafemic, beritahu doktor anda dengan segera.

Jika anda akan mula mengambil sebarang ubat baru, beritahu doktor dan ahli farmasi anda bahawa anda sedang mengambil Beafemic.

Beritahu semua doktor, doktor gigi atau ahli farmasi yang merawat anda bahawa anda sedang mengambil Beafemic.

Jika anda akan menjalani pembedahan termasuk pembedahan gigi, beritahu doktor atau doktor gigi anda bahawa anda sedang mengambil Beafemic.

#### - Perkara yang tidak boleh dilakukan

Jangan berkongsi Beafemic dengan sesiapa, walaupun mereka mempunyai simptom atau penyakit yang sama.

Jangan mengambil ubat anda untuk merawat sebarang masalah lain melainkan diarah oleh doktor anda.

- Perkara yang perlu diberi perhatian

Berhati-hati jika anda memandu atau mengendalikan mesin sehingga anda tahu bagaimana kesan Beafemic terhadap anda.

Seperti ubat NSAID yang lain, Beafemic boleh menyebabkan pening, mengantuk atau kabur penglihatan di kalangan sesetengah orang.

Jika ini berlaku, jangan memandu atau melakukan perkara yang mungkin merbahaya jika anda tidak peka.

**Kesan-kesan sampingan**

Beritahu ahli farmasi atau doktor anda sekiranya anda berasa tidak sihat semasa mengambil Beafemic.

Beafemic membantu ramai orang tapi ianya juga mempunyai kesan-kesan sampingan yang tidak diingini pada sesetengah orang.

Semua ubat boleh membawa kesan sampingan. Kadang kala kesan sampingan ini serius, tetapi selalunya tidak. Anda mungkin memerlukan rawatan perubatan jika anda mengalami mana-mana kesan sampingan tersebut.

Jangan khuatir dengan senarai kesan sampingan ini. Anda mungkin tidak mengalami sebarang kesan sampingan tersebut.

Tanya doktor atau ahli farmasi anda jika anda mempunyai sebarang persoalan.

Beritahu doktor atau ahli farmasi anda jika anda mengalami masalah berikut:

- ketidakselesaan perut
- cirit-birit
- rasa loya
- masalah kulit
- pedih ulu hati dan senak

Senarai di atas adalah kesan-kesan sampingan ubat ini yang paling lazim. Ia biasanya tidak teruk.

Kesan sampingan yang lebih serius jarang berlaku. Jika salah satu daripada kesan-kesan sampingan berikut berlaku,

beritahu doktor anda segera atau pergi ke bahagian Kecemasan dan Kemalangan di hospital yang berdekatan:

- ulser dan pendarahan perut
- najis hitam
- muntah darah
- gangguan darah
- kesakitan semasa membuang air kecil
- penglihatan kabur atau berganda

Beritahu doktor anda jika anda mendapati apa-apa yang membuatkan anda rasa tidak sihat. Kesan sampingan lain yang tidak disenaraikan di atas mungkin berlaku di kalangan sesetengah pesakit.

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui No. Tel: 03-78835550, atau laman web [portal.bpfk.gov.my](http://portal.bpfk.gov.my) (*Consumers Reporting*).

**Cara penyimpanan dan pelupusan Beafemic**

- Penyimpanan

Simpan ubat anda dalam pek atau botolnya sehingga tiba masa untuk mengambilnya. Jika anda mengeluarkan ubat daripada pek atau botolnya, ia mungkin tidak dapat dikekalkan dalam keadaan yang baik.

Simpan ubat anda di tempat yang sejuk dan kering pada suhu di bawah 30°C. Lindungi daripada cahaya. Pastikan botol ditutup dengan ketat.

Simpan Beafemic di tempat yang tidak boleh dicapai oleh kanak-kanak.

- Pelupusan

Ubat-ubatan tidak harus dilupuskan melalui air buangan atau sisa isi rumah. Sila rujuk kepada ahli farmasi anda mengenai cara yang betul untuk melupuskan ubat yang tidak diperlukan lagi. Langkah-langkah ini dapat membantu melindungi alam sekitar.

**Maklumat lanjut**

- Rupa dan warna produk

- (i) Beafemic 250 Capsule  
Kapsul berwarna biru, bertanda "UPHA BEAFEMIC 250".
- (ii) Beafemic Suspension 50mg/5ml  
Ubat cecair berwarna kuning dengan perisa vanila.

- Bahan-bahan kandungan

- Bahan aktif

- (i) Beafemic 250 Capsule  
Setiap kapsul mengandungi 250mg *mefenamic acid*.
- (ii) Beafemic Suspension 50mg/5ml  
Setiap 5ml *suspension* mengandungi 50mg *mefenamic acid*.

- Bahan-bahan tidak aktif

- (i) Beafemic 250 Capsule
  - *Croscarmellose sodium*
  - *Colloidal silicon dioxide Aerosil*
  - *Povidone*
  - *Lactose Monohydrate*
  - *Purified Water*
  - *Sodium Lauryl Sulphate*
- (ii) Beafemic Suspension 50mg/5ml
  - *Quinoline Yellow*
  - *Tween 80*
  - *Sugar*
  - *Preservative stock solution A*
  - *Vanillin*
  - *Xanthan Gum*
  - *Glycerine*
  - *Saccharin Sodium*

- Nombor MAL

- (i) Beafemic 250 Capsule  
MAL19861037AZ
- (ii) Beafemic Suspension 50mg/5ml  
MAL19920133AZ

**Pengilang**

UPHA PHARMACEUTICAL MFG.  
(M) SDN BHD (53667-M)  
Lot 2&4, Jalan P/7, Section 13,  
Bangi Industrial Estate,  
43650 Selangor Darul Ehsan.

**Pemegang Pendaftaran Produk**

UPHA PHARMACEUTICAL MFG.  
(M) SDN BHD (53667-M)  
Lot 2&4, Jalan P/7, Section 13,  
Bangi Industrial Estate,  
43650 Selangor Darul Ehsan.

**Tarikh kemaskini RiMUP**

26/02/2016

**Nombor siri:**

BPFK(R4/1)230216/00055